Sekiranya kadar subsidi diesel naik, mungkin akan ada kenaikan tambang disebabkan peningkatan kos

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Harga tambang bas sekolah tidak akan naik jika kerajaan mengekalkan kadar subsidi diesel kepada pengusaha pengangkutan itu pada harga RM1.88 seliter.

Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Bas Sekolah Malaysia, Amali Munif Rahmat berkata, sekiranya kadar berkenaan tidak berubah maka tambang bas juga tidak akan mengalami peningkatan.

"Tapi kalau ada perubahan misalnya harga diesel subsidi naik kepada RM2.50 seliter mungkin akan ada kenaikan tambang sebab kita menanggung peningkatan kos.

"Jadi diharapkan kerajaan kekalkan harga diesel kepada kita pada harga RM1.88 seliter. Setakat ini kerajaan maklumkan pemberian subsidi kepada pengusaha bas dikekalkan tetapi belum diketahui dari segi harganya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selasa lalu, Perdana Menteri,



Harga tambang bas sekolah tidak akan naik jika kerajaan mengekalkan kadar subsidi diesel kepada pengusaha pengangkutan itu. Gambar kecil: Amali Munif

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa kerajaan akan terus menyediakan subsidi kepada 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) termasuk bas sekolah.

Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) pula untuk pemilik kenderaan diesel persendirian dan pertanian di Semenanjung Malaysia daripada kumpulan B40 dan M40 yang layak bagi menerima RM200 sebulan sebagai subsidi diesel bersasar.

Berikutan itu, Amali Munif berkata, pihaknya mencadangkan penyaluran subsidi diesel kepada semua pengusaha sektor pengangkutan kategori SKDS dilakukan menerusi bayaran tunai seperti Budi Madani.

Menurutnya, ia kerana terdapat beberapa kelemahan seandainya pemberian subsidi itu dilaksanakan menerusi kaedah sedia ada iaitu menggunakan kad fleet.

"Antara kelemahan itu adalah tak banyak stesen minyak yang terima kad fleet ini.

"Kalau di kawasan Lembah Klang, saya dimaklumkan tak sampai 10 stesen minyak pun yang terima penggunaan kad subsidi ini," ujarnya.

Selain itu, Amali Munif berkata, kuota jumlah minyak subsidi yang layak diterima pengusaha juga boleh dibatalkan pada bulan seterusnya jika cukai jalan bas tamat tempoh dan tidak diperbaharui lebih awal.

"Jadi mekanisme pelaksanaan kad fleet ini secara keseluruhannya perlu juga mendapatkan maklum balas daripada operator," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: ..3.1..MAY..2024.....

ISU SELENGGARA POKOK

HM
31/5

DBKL sedia 4 kontraktor

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan empat kontraktor bagi setiap kawasan Parlimen untuk kerja-kerja penyelenggaraan pokok di Kuala Lumpur.

Perkara itu dikongsikan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dalam hantaran di laman X hari ini, selepas pertemuan bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh.

"Selepas melawat warga Lembah Pantai yang terjejas akibat ribut baru-baru ini, saya bertemu Datuk Kamarulzaman Mat

Salleh di Menara DBKL.

"Kami bincang isu perubahan iklim dan peranan Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi DBKL dalam memastikan penyelenggaraan pokok di Kuala Lumpur dapat dilaksanakan dengan baik," katanya.

Fahmi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berkata DBKL juga berhasrat untuk menyahut seruan Perdana Menteri untuk menanam 100 pokok bagi setiap pokok yang ditebang, selaras dengan usaha untuk menghijaukan bandaraya dan Malaysia secara amnya.

HARIAN METRO

Tarikh: 3.1.MAY.2024....



GAMBAR bertarikh 16 Februari 2024 menunjukkan Steven Sim menyampaikan replika cek kepada S. Kartiganan yang hilang upaya kekal sempena Program Kesuma Madani Tahun Baharu Cina di Johor Bahru.

Catat momentum positif berbanding tahun lalu **Pencarum Perkeso melonjak 6 kali ganda**

KOSMO
31/5

Oleh NUR FATIN ZAHRA

PETALING JAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) merekodkan lonjakan signifikan hampir enam kali ganda pada suku pertama tahun ini bagi jumlah pencarum berdaftar untuk semua akta bawah seliaannya dengan jumlah keseluruhan 471,000 pencarum tahun lalu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong dalam kenyataan berkata, pertumbuhan memberangsangkan turut dicatat bagi penempatan pekerjaan melalui portal perkhidmatan pekerjaan (MYFutureJobs).

"Ia meningkat sebanyak 152 peratus atau 39,136 individu berjaya mendapat penempatan pekerjaan berbanding 15,520 individu untuk suku pertama ta-

hun sebelumnya.

"Jumlah kutipan caruman, peratus Orang Berinsurans kembali bekerja menerusi Program Return-To-Work (RTW) dan lain-lain menghasilkan pulangan positif dengan jumlah lebih pendapatan keseluruhan RM608 juta sehingga bulan lalu iaitu peningkatan 1.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu," katanya.

Jelasnya, momentum pertumbuhan positif ini diharap mampu diteruskan sehingga penghujung tahun ini, sekali gus berupaya menyambung legasi kecemerlangan pencapaian yang dilakar Perkeso tahun lalu.

"Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perkeso untuk tahun ini diharap dapat dicapai dengan sasaran sejuta individu bekerja sendiri men-

carum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) serta 500,000 wanita mendaftar dan mencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

"Selaras misi 3K Kementerian Sumber Manusia iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan pekerja serta seiring prinsip Perkeso 'no one is left behind', perancangan strategik Perkeso dalam memperluas jaringan keselamatan sosial menerusi Skim Kemalangan Bencana Bukan Kerja (SKBBK) juga disasar untuk direalisasikan tahun ini demi perlindungan keselamatan sosial yang lebih mapan, holistik dan komprehensif," katanya.

Kelmarin, Steven Sim hadir pada Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) dan Anugerah Khidmat Setia 2023 Perkeso.

KOSMO

Tarikh: 31 MAY 2024

Kerajaan Selangor sedia kongsi maklumat kontrak projek DRT

Semua pihak boleh mohon dapatkan minit mesyuarat tender diberi secara rundingan terus

Petaling Jaya: Kerajaan Selangor memberi kebebasan kepada mana-mana pihak memohon untuk mendapatkan dokumen atau minit mesyuarat berhubung dakwaan kontrak membabitkan projek rintis Demand Responsive Transit (DRT) diberikan secara rundingan terus.

Menteri Besar (MB) Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pihaknya sentiasa terbuka untuk berkongsi maklumat berkenaan tanpa perlu 'berselindung'.



Amirudin bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim (kiri) dan Pengarah Eksekutif PKNS Golf Management Services, Mohd Zubir Idrus ketika sidang media pada perasmian Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor 2024 dan PKNS Masters Selangor 2024, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Tidak ada masalah sebab kita ada kebebasan maklumat (Enakmen Kebebasan Maklumat) yang memberi ruang untuk mereka dapatkan dokumen. Tidak ada benda yang pelik dan sebagainya."

"Kita ada jawatankuasa dewan

dan boleh buka (maklumat). Mereka boleh meminta minit mesyuarat yang turut dihadiri Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)," katanya selepas perasmian Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor 2024 dan PKNS

Masters Selangor 2024, semalam.

Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4) semalam mengesahkan kerajaan Selangor menyediakan butiran penuh pelantikan syarikat Asia Mobility Technologies Sdn Bhd (Asia Mobiliti) di mana ketua pegawai eksekutifnya, Ramachandran Muniandy adalah suami Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Syarikat Asia Mobiliti hanya menyediakan 'pembuktian konsep' bagi projek rintis DRT itu.

2 syarikat dapat kebenaran

Amirudin turut menegaskan melalui tender terbuka yang dibuat, hanya dua syarikat iaitu Badan Bas Coach Sdn Bhd dan Asia Mobiliti mempunyai kebenaran daripada APAD untuk membuat pembuktian konsep (POC).

"Jadi kena faham dan jangan melulu cakap tender terbuka atau tidak tender terbuka sebab dari awal lagi soalan itu sudah salah dan cuba dikelirukan oleh mereka yang ingin mengambil kesempatan atau

pun menimbulkan isu," katanya.

Menteri Besar Selangor itu berkata, jika satu daripada syarikat digugurkan semasa POC dijalankan, maka tiada perbandingan akan dapat dibuat untuk menentukan syarikat mana yang mampu memberikan perkhidmatan terbaik.

Menjawab gesaan Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Muhammad Hilman Idham dari Perikatan Nasional (PN) untuk kerajaan negeri membatalkan kontrak sedia ada kerana didakwa dibuat tanpa melalui tender terbuka, Amirudin berkata, Prasarana dan Kumpool Sdn Bhd akan dijemput membuat POC setelah mereka mendapat kebenaran APAD.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini menjelaskan ia sudah melakukan siasatan interim berhubung isu pemberian kontrak tersebut namun tidak menemukan sebarang kesalahan dan tiada kes dalam isu tersebut. BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh 3.1. MAY 2024.....

Pelajar sekolah, penuntut IPT diberi baucar buku RM100

Mekanisme tuntutan akan diumumkan jam 2 petang ini

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan pemberian baucar buku bernilai RM100 bagi pelajar Tahap Dua sekolah rendah, sekolah menengah hingga peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).

Perdana Menteri berkata, baucar berkenaan boleh dituntut melalui mekanisme yang akan diumumkan, mulai jam 2 petang ini.

"Untuk anak, baik di sekolah kebangsaan, sekolah Arab, sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil dan universiti, kita berikan baucar RM100.

"Bagi tahun ini, kita mulakan dari Tahun Empat, untuk mengurangkan tekanan kewangan kerajaan.

"Ia turut diberikan kepada pelajar sekolah menengah, universiti, kolej, institusi perguruan dan sebagainya.

"Mulai jam 2 petang esok (hari ini), pemberian baucar ini akan dimulakan, insya-Aillah," katanya ketika berucap merasmikan

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh; dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Selain itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif, serta Pengerusi Pengelola PBAKL 2024, Mohd Khair Ngadiron, juga hadir.

Anwar turut mengarahkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyediakan format bagi tuntutan baucar berkenaan supaya ia dapat dimanfaatkan pengunjung PBAKL 2024, memandangkan acara perbukuan itu bakal berakhir tiga hari lagi.

"Menteri Pendidikan Tinggi perlu sediakan format untuk menggunakan baucar berkenaan. Saya harap ia dapat digunakan mulai esok (hari ini) di PBAKL supaya pengunjung di sini dapat memanfaatkannya untuk membeli buku di sini.

"Saya juga anjurkan supaya (buat) senarai judul tertentu supaya sebahagian daripada peruntukan baucar itu digunakan untuk membeli buku diusulkan dan sebahagian lagi diberi kelonggaran untuk anak memilih sendiri. Kenapa saya sebut begitu, kerana mengikut amalan lalu, buku dipilih (anak-anak) adalah buku pi-

cisan yang tak bernilai.

"Selalu saya sebut untuk memupuk minat belajar dan mencintai ilmu. Sebagaimana diungkapkan Saidina Ali bin Abi Talib, ilmu itu lazat, memberi minat dan memperkayakan minda, seterusnya memberi kita kewarasan kebijaksanaan dan hikmah," katanya.

Tegasnya, masyarakat perlu diberi pemahaman mengenai makna ilmu yang sebenar supaya tidak terdedah dengan maklumat atau karya yang tidak bermanfaat.

"Bukan semua maklumat itu ilmu. Ada juga maklumat yang hanya sekadar maklumat, selain ada juga yang masuk kategori ilmu. Ilmu seperti dikupas ulama dan sarjana, ada yang memberi manfaat dan tidak memberi manfaat.

"Justeru, kita perlu latih anak membaca, cintai ilmu dan tentukan yang mana adalah informasi, ilmu dan seterusnya mempunyai keupayaan menyaring apa yang disebut ilmu makrifah atau kebijaksanaan," katanya.

Budayakan amalan membaca

Menyentuh kebimbangan awam terhadap kurangnya minat membaca, khususnya dalam kalangan generasi muda, Anwar berkata, penting untuk semua pihak termasuk kerajaan lebih berani membuat anjakan ke arah membudayakan amalan itu.

Beliau turut melihat sambutan hangat pengunjung pada PBAKL kali ini yang mencecah lebih sejuta pengunjung dalam masa tu-



Anwar bersama orang ramai yang hadir pada Majlis Perasmian PBAKL 2024 di WTC Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

juh hari penganjurannya sebagai satu petanda baik mengenai minat masyarakat terhadap buku.

"Minat membaca itu menurun, diganti media sosial yang kononnya memberi laporan dalam satu dua minit, ya, ini membimbangkan. Dalam negara MADANI, kita mesti mengangkat semula (budaya membaca) dan berani buat sedikit anjakan. Saya berterima kasih kepada pihak penganjur (PBAKL) kerana tahun ini, bukan sahaja pengunjung ramai tetapi dalam empat hari pertama, pembelian buku bertambah.

"Yang sudah datang (PBAKL), beli buku, balik nanti kenalah baca. Saya juga mengharap supaya buku tulisan Sasterawan Negara kita tidak ditinggalkan. Ada (banyak) novel tulisan Sasterawan Negara terkemuka yang diterbitkan antaranya karya Datuk Seri A Samad Said, Allahyarham Prof Emeritus Datuk Dr Shahnun Ahmad dan Datuk Dr Anwar Ridhwan. Senarai (karya) Sasterawan Negara ini yang patut diusulkan (untuk dibaca)," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat reruai buku yang mengambil bahagian pada PBAKL tahun ini, termasuk reruai Negeri Tamu, Sabah yang bertempat di Aras Dua, WTC.

Anwar turut menyempurnakan pelancaran Buku Edisi Malar Segar Sasterawan Negara, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Dewan Tun Hussein Onn, WTC, semalam.

Antara Sasterawan Negara yang hadir dan diraikan pada acara itu adalah Datuk Seri A Samad Said, Datuk Dr Anwar Ridhwan, Datuk Baharuddin Zainal atau Baha Zain, Datuk Dr Zurinah Hassan dan Datuk Rahman Shaari.

Sebanyak 15 naskhah yang terkandung dalam siri khas Sasterawan Negara itu antaranya *Sajak Sejarah Melayu* karya Prof Emeritus Dr Muhammad Salleh, *Sungai Mengalir Lesu* tulisan Datuk Seri A Samad Said, *Naratif Ogoshonto* (Anwar Ridhwan) dan *Tiga Catatan Perjalanan* (Baha Zain).

BERITA HARIAN
Tarikh 31 MAY 2024.....

BUDI MADANI bantu tangani ketirisan diesel

Usaha bersepadu lima kementerian pastikan kesan positif kepada golongan sasaran

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Putrajaya: Gelombang ketirisan yang menyebabkan subsidi diesel negara melonjak sepuluh kali ganda kepada RM14.3 bilion pada tahun lalu, berbanding hanya RM1.4 bilion pada 2019, menyebabkan kerajaan perlu bertindak menyusun semula supaya ia lebih bersasar.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata langkah strategik penyusunan semula subsidi diesel dengan menjadikannya lebih bersasar menerusi Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) diambil bagi menangani masalah itu.

Beliau menjelaskan, selama ini ketirisan berlaku akibat perbezaan harga antara di mana harga runcit di pam adalah RM2.15 seliter, manakala harga pasaran mencecah RM3.50 seliter.

Ketika ini, diesel bersubsidi negara ini dijual pada empat harga berbeza, iaitu RM1.88 seliter untuk pengangkutan awam; RM1.65 seliter untuk nelayan kategori tertentu; RM2.15 seliter untuk kenderaan komersial dan peribadi, manakala segmen komersial yang tidak disubsidi dijual mengikut harga pasaran.

Katanya, pada masa sama harga diesel di negara jiran turut meningkat dengan ketara, di Thailand mencapai RM4.12 seliter, Indonesia RM4.73 dan Singapura RM8.87 seliter.

"Peningkatan ketirisan ini disebabkan perbezaan harga yang ketara, menyaksikan jumlah diesel bersubsidi yang digunakan turut meningkat kepada 10.8 bilion liter pada 2023 berbanding 6.1 bilion liter pada 2019.

"Pembiayaan subsidi diesel meningkat 10 kali ganda daripada RM1.4 bilion pada 2019 kepada RM14.3 bilion pada 2023, manakala penggunaan diesel bersubsidi pula meningkat 1.8 kali ganda akibat penyeludupan rentas sempadan dan penggunaan oleh segmen komersial yang tidak layak.

"Penggunaan diesel bersubsidi oleh segmen komersial tidak layak juga menyaksikan jualan di-

esel komersial menurun lebih dua bilion liter setahun," katanya.

Beliau memberitahu media demikian selepas sesi taklimat bersama pengarang media tempatan mengenai program BUDI MADANI di Kementerian Kewangan di sini.

Dalam menangani masalah berkenaan, Amir Hamzah menekankan keperluan untuk merancang pendekatan yang efektif.

"Langkah paling mudah adalah mengupkan harga diesel untuk mengatasi ketirisan yang meningkat setiap tahun. Apabila kita upkan harga, jurang harga berbanding negara jiran juga berkurangan, seterusnya tidak berbaloi untuk diseludup.

"Pelaksanaan subsidi yang bersasar ke atas diesel adalah antara strategi yang akan dilaksanakan untuk mengurangkan perbezaan antara harga runcit di pam dan harga pasaran serta mengatasi ketirisan yang berlaku.

"Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, kerajaan akan memperkenalkan BUDI MADANI yang merangkumi lima elemen penting untuk membantu golongan yang memerlukan.

"BUDI MADANI akan memberi manfaat kepada lebih daripada 20,000 penerima pengangkutan awam melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 1.0) serta kira-kira 15,000 nelayan menerusi Skim Subsidi Diesel Nelayan," jelas Amir Hamzah.

Bagi penerima baharu, kerajaan akan memperluas SKDS1.0 kepada SKDS2.0, yang akan membabitkan daripada 400,000 kenderaan komersial meliputi 23 segmen baharu kenderaan pengangkutan barangan melalui penggunaan *Fleet Card*.


Bantuan bulanan RM200

Selain itu, bantuan tunai bulanan interim sebanyak RM200 sebulan kepada kira-kira 300,000 pemilik kenderaan diesel dengan kelayakan tertentu termasuk pendapatan tahunan individu atau pasangan kurang RM100,000 setahun dan mempunyai cukai jalan yang aktif dan bukannya kenderaan mewah.

Bantuan tunai bulanan interim sebanyak RM200 sebulan kepada kira-kira 300,000 pengusaha kecil pertanian dan komoditi, yang menggunakan jentera diesel dengan hasil jualan tahunan di antara RM50,000 hingga RM300,000.

Ia merangkumi lima segmen pekebun kecil baharu iaitu sawit, getah, kenaf, koko dan lada yang mendaftar dengan agensi di ba-

Subsidi diesel telah meningkat 10 kali ganda akibat penyeludupan dan penggunaan oleh segmen komersial yang tidak layak



BUDI MADANI mencerminkan ikhtiar bersepadu seluruh jentera Kerajaan MADANI



wah Kementerian Perlindungan dan Komoditi iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB); Lembaga Getah Malaysia (LGM); Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara; Lembaga Koko Malaysia dan Lembaga Lada Malaysia.

Amir Hamzah menjelaskan, secara keseluruhannya kira-kira 51 peratus daripada jumlah kenderaan diesel layak mendapat sokongan menerusi program BUDI MADANI.

Katanya, BUDI MADANI adalah satu usaha bersepadu membabitkan lima kementerian untuk memastikan kesan positif

yang maksimum kepada golongan sasaran.

"Kami berharap dengan langkah ini, kita dapat mengurangkan ketirisan dan membantu golongan yang memerlukan dalam masa yang sama," katanya.

Beliau berkata, serentak pe nyasaran semua diesel itu, penguatkuasaan bersepadu menerusi Ops Tiris dan Ops Kesar akan dilaksanakan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Kastan Diraja Malaysia (JKDM).

Seimbangkan AI, kaedah tradisional dalam pendidikan

Nurin Nabila
Mohd Taurin,
Sungai Petani,
Kedah

Kecerdasan buatan (AI) sudah menjadi antara pendorong utama perubahan dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan. Di dalam bidang pendidikan, AI sudah mengubah pelbagai kaedah dan cara pendidikan dihayakan. Hal ini dapat membuka pintu bagi mewujudkan inovasi yang mampu mengubah cara pelajar untuk belajar.

84
21/5

Dalam era kemodenan ini yang menyaksikan teknologi menjadi keperluan bagi setiap insan bergelar pelajar, penggabungan AI dalam pendidikan bukanlah satu pilihan, namun sebaliknya ia adalah keperluan bagi mempersiapkan generasi pada masa hadapan.

Bagi sektor pendidikan, kecerdasan buatan bukan hanya menjadi alat bantu belajar, namun ia turut menjadi pemangkin utama dalam kemenjadian pelajar. Antara sumbangan AI adalah kemampuan dalam mewujudkan pengalaman belajar yang menarik.

Menerusi penggunaan teknologi AI kita dapat meningkatkan kebolehpasaran pendidikan. Hal ini kerana platform pembelajaran yang berasaskan teknologi AI dapat diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Ia secara tidak langsung membolehkan lebih ramai pelajar dapat mengakses pendidikan yang berkualiti tanpa perlu menngira latar belakang mereka.

Kelebihan lain teknologi AI adalah mampu un-



tuk menyediakan bahan pembelajaran yang interaktif dan pelbagai kepada pelajar. Menerusi penggunaan teknologi AI, bahan pembelajaran boleh dipaparkan dalam pelbagai format. Antaranya ialah dalam format teks, audio dan video. Ia dapat membolehkan pelajar untuk memilih format yang paling sesuai dengan gaya pelajaran mereka bagi memberikan kefahaman secara lebih mendalam terhadap sesuatu pembelajaran.

Elak kebergantungan terhadap AI

Walaupun teknologi AI memiliki potensi yang sangat besar dalam membentuk kemenjadian pelajar, namun ia juga tidak terlepas daripada beberapa kelemahan dan kekurangan. Antaranya

ialah kebergantungan terhadap teknologi AI. Walaupun AI dapat menjadi suatu alat yang sangat berguna dalam pembelajaran pelajar, kebergantungan tinggi pada teknologi AI juga boleh menjadi kelemahan. Hal ini kerana pelajar mungkin akan kehilangan upaya untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta tidak dapat mengembangkan potensi mereka kerana terlalu bergantung terhadap AI dalam proses pembelajaran. Ia juga boleh menyebabkan kurang pembabitian sosial dan interaksi antara pelajar serta guru.

Oleh itu, adalah sangat penting untuk menyeimbangkan penggunaan teknologi AI dengan pendekatan pembelajaran tradisional supaya dapat mewujudkan suatu kolaborasi antara kedua-duanya.

Selain itu, kelemahan lain teknologi AI adalah isu privasi dan keselamatan data. Data pelajar dikumpul, disimpan serta dianalisis dalam kuantiti yang sangat banyak. Data itu adalah termasuk maklumat peribadi seperti nama, alamat, nombor telefon dan butiran yang lain. Perlindungan data peribadi pelajar mestilah diutamakan bagi mengelakkan penyalahgunaan atau pencerobohan hak privasi dan penyalahgunaan data. Jika data pelajar jatuh ke tangan pihak tidak bertanggungjawab ia boleh digunakan untuk tujuan yang salah. Sebagai contoh, penipuan, kecurian identiti dan sebagainya.

BERITA HARIAN

Tarikh...3.1...MAY...2024.....

Buat dua kerja berisiko dapat penyakit kronik

WM
31/5

PETALING JAYA: Rakyat Malaysia yang terpaksa melakukan dua kerja untuk menambah pendapatan mereka berisiko menghadapi kemerosotan kesihatan kerana terpaksa mengorbankan waktu tidur harian mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kesihatan Komuniti Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, kurang tidur boleh menurunkan imuniti badan yang berkait dengan obesiti dan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti darah tinggi atau sakit jantung.

"Keperluan untuk bekerja lebih daripada satu pekerjaan memaksa rakyat Malaysia untuk mengamalkan tidur kurang daripada tujuh jam seperti saranan Kementerian Kesihatan..

"Kebanyakan rakyat Malaysia tidak cukup tidur disebabkan isu kehendak atau keperluan hidup yang memaksa mereka melakukan kerja lebih masa," katanya ketika dihubungi.

Katanya, masalah seperti stres dan keresahan juga antara elemen yang menyebabkan seseorang tidak cukup tidur.

"Bagi golongan anak muda pula mereka lebih gemar untuk melakukan aktiviti pada waktu

malam seperti bersosial, bersukan atau bermain permainan video," katanya.

Terdahulu, berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, dua daripada lima atau 38 peratus rakyat dewasa Malaysia tidak cukup tidur yang kurang daripada tujuh jam.

Dalam tinjauan sama, rakyat Malaysia kalangan dewasa pertengahan usia yang tidak cukup tidur lebih cenderung di kawasan bandar iaitu sebanyak 39 peratus manakala 32 peratus di kawasan luar bandar.

Kategori umur yang tidak cukup tidur pula merekodkan kumpulan usia 40 hingga 59 tahun antara yang tertinggi iaitu sebanyak 41 peratus diikuti usia antara 30 hingga 39 tahun (37 peratus), dan usia warga emas 60 tahun ke atas (36 peratus).

Sharifa Ezat berkata, isu tagging media sosial pada waktu malam menyebabkan seseorang individu menggunakannya berjam-jam sebelum tidur.

"Penggunaan skrin telefon pintar atau televisyen yang terang dan lama sebelum tidur menyebabkan otak kekal aktif serta sukar mendapatkan tidur yang cukup," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ...3.1 MAY...2024....

INDIVIDUAL: MONTHLY CASH AID FOR ELIGIBLE DIESEL VEHICLE OWNERS

Who is eligible?



• Malaysians



• Annual individual or joint income less than RM100,000

• Non-luxury vehicle

- » Owner registered vehicle
- » Active road tax



70%

of recipients will be neutral or better off with the cash aid

30%

More than 60km mileage daily

70%

Less than 60km mileage daily

INFOGRAPHIC NST

PRICE DIFFERENCE

REFORMS DUE TO DIESEL SUBSIDY LEAKS

Leakages jump 10-fold to RM14.3b last year from RM1.4b in 2019

MOHD ZAKY ZAINUDDIN
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

DIESEL subsidy leakages, which jumped 10-fold to RM14.3 billion last year from RM1.4 billion in 2019, has led to the government opting for the rationalisation of the fuel subsidy in Peninsular Malaysia.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the leakages were due to a significant price difference with the retail price at the pump at RM2.15 per

litre while the market price was around RM3.50 per litre.

He said the price difference was much higher in neighbouring countries: RM4.12 per litre in Thailand, RM4.73 in Indonesia and RM8.87 in Singapore.

"The increase in leakages is not only due to the price increase but also the amount of subsidised diesel used and smuggling.

"The leakages of subsidised diesel have risen to 10.8 billion litres in 2023 from 6.1 billion litres in 2019.

"Seventy per cent of the increase in consumption is due to leakages.

"The easiest step is to float the price of diesel to overcome the leakages, which are increasing every year.

"When we float the price, the price gap compared with neighbouring countries also decreases," he said at a briefing recently.

Amir Hamzah said the implementation of targeted subsidies for diesel could reduce the difference between the retail price at the pump and the market price, which would help overcome leakages.

He said the government would introduce a new form of assistance, Madani Subsidy Assistance Program (Budi Madani), to help the needy.

He said Budi Madani included five elements involving existing and new recipients.

"For public transport vehicles, more than 20,000 recipients will benefit through the Subsidised Diesel Control System (SKDS 1.0), where subsidies are channelled through fleet cards for 10 types of public transport vehicles.

"Fishermen will receive the Fishermen's Diesel Subsidy

>> Continued next page

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 31 MAY 2024

BUDI MADANI CASH AID PROGRAMME CONSISTS OF 5 ELEMENTS

⑦ NCT 3/5

EXISTING		NEW		
1	2	3	4	5
Public transport 	Fishermen 	SKDS 2.0 	Individual 	Farmers and smallholders 
- Subsidy diesel control system (SKDS 1.0) - Subsidy through fleet card for 10 types of public transport vehicles.	- Fishermen subsidy diesel scheme for categories A/B/C1 - Subsidy quota based on catch.	The expansion of SKDS 1.0 to include 23 new segments of goods transportation vehicles.	Interim monthly cash aid for eligible individuals who own non-luxury diesel vehicles.	Interim monthly cash aid for farmers and smallholders with annual sales of between RM50,000 and RM300,000.
DETAILS				
RECIPIENTS				
~20,000	15,000	~400,000	~300,000	~300,000
51 per cent of all diesel vehicle owners will receive support				

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: ...3.1.MAY.2024....

FROM YEAR 4 PUPILS TO THOSE IN VARSITY

STUDENTS GET RM100 BOOK VOUCHER TODAY

Mechanism will be made known at 2pm, to include list of recommended titles, says PM

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ALL pupils and students from Year 4 in primary school to tertiary institutions will receive a RM100 book voucher in phases from today, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said the voucher mechanism would be announced at 2pm today.

"For students, whether they are in national schools, religious schools, vernacular schools, to university students, we will give each a book voucher worth RM100.

"We will begin with pupils in

Year Four to reduce the government's financial burden.

"It (the voucher) will also be given to students in secondary schools, universities, colleges and teaching institutions," he said in his speech at the launch of the 2024 Kuala Lumpur International Book Fair (PBAKL) at the World Trade Centre Kuala Lumpur yesterday.

PBAKL began on May 24 and ends on Sunday.

Present were Education Minister Fadhlina Sidek, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali, Deputy Education Minister Wong Kah Woh, Selangor Menteri Besar

Datuk Seri Amirudin Shari, Sabah Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif and 2024 PBAKL organising chairman Mohd Khair Ngadiron.

Anwar instructed the Higher Education Ministry to come up with a mechanism for the vouchers to be used at PBAKL.

"I also recommended that a list of suitable books be prepared so that a portion of the voucher is used to purchase these books. Some leeway can be given on the titles they purchase with the remaining amount.

"This is because based on past cases, we have seen that the books selected (by students) tend to be of poor quality," he said.

He said the recommended books could include classics such as those by national laureates including as Datuk A. Samad Said, Datuk Shahnnon Ahmad and



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim inspecting a booth at the Kuala Lumpur International Book Fair at the World Trade Centre Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

Datuk Anwar Ridhwan, as well as books on digitalisation and artificial intelligence.

"I have always spoken on the importance of fostering an interest in learning.

"Saidina Ali Bin Abi Talib (cousin and son-in-law of the Prophet Muhammad) said knowledge is pleasurable, fosters interest and enriches the mind, and grants us wisdom and blessings," he said.

He said people have to understand the true meaning of knowl-

edge so that they were not swayed by works or information that brought no benefit.

Zambray said his ministry would discuss the best mechanism to disseminate the book vouchers, and would work with the PBAKL organisers to do so.

This year's PBAKL is targeting 1.5 million visitors.

It features 972 booths from 241 exhibitors, including 14 exhibitors from Singapore, Thailand, the Philippines, India, China, Taiwan and Iran.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: ...31 MAY 2024...

MEETING WITH META

TALKS ON TACKLING FAKE NEWS, DISINFORMATION

Fahmi hopes reps from social media platforms will help turn govt's online safety plan into reality

PUTRAJAYA

THE Communications Ministry's meeting with Meta Platforms Inc (Meta) and representatives of other social media platforms scheduled to be held in Singapore next month will discuss, among others, the Madani government's commitment to combat fake news and disinformation.

Minister Fahmi Fadzil said the meeting would take place during his official visit to the republic in mid-June.

"...I hope they will join the government in our effort to ensure online safety for children and families.

"What we want is online safety to make the Internet safe for children and families, and I believe that whether it's Meta, Facebook, Instagram or WhatsApp, they are with us on this matter," he told reporters after attending the ministry's monthly assembly here yesterday.

In his speech earlier, Fahmi also called on the ministry's staff to fully utilise artificial intelligence (AI) to enhance work

productivity.

He said that the adoption of AI would not only improve individual performance but also facilitate service delivery as expected by the public.

Addressing inter-ministerial collaboration, Fahmi, who is the unity government spokesman, also urged the Information Department (Japen), the Department of Broadcasting Malaysia, and the Malaysian National News Agency (Bernama) to focus on efforts to combat leakage and diesel smuggling activities in collaboration with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry through the production of news content that benefits the public.

"I see that ministry is very effective in combating leakage, stockpiling (diesel), and so on.

I urge Japen and the Madani community to help the public understand the mechanisms for filing complaints (in case of leakage or price hikes).

"We also need to help share the videos uploaded by the ministry on TikTok and other platforms," he added. **Bernama**



Communications Minister Fahmi Fadzil speaking at the Communications Ministry monthly assembly in Putrajaya, yesterday. **BERNAMA PIC**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: ...3.1.MAY...2024.....